

Minggu Saham Digital tampil kelainan, pelbagai aktiviti

Acara digital akan berlangsung secara dalam talian di platform Facebook, Youtube

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad (PNB) buat kali pertama menganjurkan Minggu Saham Digital (MSD), bagi memberi peluang kepada pemegang unit mendapat gambaran bagaimana pelaburan mereka menyumbang kepada kekuatan ekonomi negara.

Acara digital adaptasi daripada Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) itu akan berlangsung secara dalam talian di platform Facebook dan Youtube bermula 18 hingga 24 November ini pada jam 12.30 tengah hari hingga 10.30 malam, setiap hari.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz, berkata setiap tahun selama dua dekad, PNB menyediakan platform secara bersemuka untuk masyarakat Malaysia mengenali PNB dan syarikat pelaburannya menerusi aktiviti pendidikan yang mesra keluarga.

"Minggu Saham Digital adalah bukti bagaimana PNB terus berkembang serta mendukung cara baharu dan menarik untuk mendekati pemegang unit serta rakyat Malaysia secara umumnya, bermatlamat memperkasakan literasi kewangan melalui platform digital yang mudah untuk dilayari.

"Acara digital ini adalah lang-



kah penting ke arah perjalanan transformasi organisasi PNB yang lebih luas.

"Dengan menganjurkan acara tahunan kami secara dalam talian, masyarakat dari setiap peringkat umur boleh menikmati kandungan aktiviti menarik dari kediaman mereka sendiri atau di mana sahaja mereka berada, kerana semuanya kini mudah diakses hanya di hujung jari," katanya dalam kenyataan.

Sepanjang tujuh hari acara itu berlangsung, pelbagai aktiviti akan diadakan, iaitu siri forum dan webinar pendidikan sehingga segmen menghiburkan seperti konsert secara maya.

Peserta juga boleh menyertai acara permainan, rancangan memasak, eksperimen sains yang unik, pertandingan pencarian harta karun maya, 'Eh, Mana Kod?'.
Peserta berpeluang memenangi hadiah bernilai lebih RM500,000 termasuk sebuah Ford Ranger 2.0L XLT 4WD (10AT), sebuah Toyota Vios 1.5G (AT), sebuah Perodua Aruz 1.5AV (AT), sebuah Honda CBR250, lapan Honda Dash 125S dan e-baucar Lazada bernilai lebih RM180,000.

Peraturan, terma dan syarat pe-

nyertaan boleh didapati di laman mikro MSD, berserta maklumat mengenai senarai tetamu, personaliti jempunan dan jadual program.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari www.minggu-sahamdigital.com.my atau @minggusahamdigital di Instagram dan Facebook.

Rakan korporat PNB untuk MSD terdiri daripada tiga peringkat iaitu bagi kategori Rakan Premier adalah Maybank Berhad, Sime Darby Plantation Berhad dan UMW Holdings Berhad, manakala kategori Rakan Utama adalah Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad, SP Setia Berhad, MIDF Berhad dan Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (Perodua).

Bagi kategori Rakan pula terdiri daripada MNRB Holdings Berhad, CCM Berhad, Duopharma Biotech Berhad, Velesto Energy Berhad, Sapura Energy Berhad, dan Projek Lintasan Kota Holdings (Prolintas).



BH TV



Minggu Saham Digital adalah bukti bagaimana PNB terus berkembang serta mendukung cara baharu dan menarik untuk mendekati pemegang unit serta rakyat Malaysia.

Zeti Aziz,
Pengerusi Kumpulan
PNB

